

Sajak

H.MAR

PATUNG DAN TAMAN SYURGA

Mengapa membuat begitu banyak patung di taman ini.
Di sini dan di sana burung, atau rama-rama,
atau bunga, atau aku, hanya terdengar tangisan di mana-mana.
Apabila matahari mulai bersinar, aku tidak melihat apa-apa di taman ini.
Langit membentangkan warna pelangi.

Bumi adalah bumi, taman adalah taman,
tangisan adalah tangisan, mungkin, bukan syurga (lagi) -
Walaupun aku mengatakan langit akan turunkan hujan,
bumi basah tetap bumi bukan syurga dan bukan taman
mereka ingin mencari syurga di atas bumi, termasuk langit;
tapi bukan di taman ini. Dan patung itu
begitu besar dan tinggi, dan warna pelangi itu,
hanya memberikan hasrat untuk kami hidup dan mati.

2018

BISIKAN LANGIT

Aku mendengar nyanyian di langit.
Sejak aku bangun tidur,
aku mencari di sepanjang jalan ini.

Aku mendengar nyanyian di langit.
Sepanjang hari aku terpaksa,
lebih lama dan melelehkan,
sehingga matahari jatuh.
Dan cahaya mulai suram dan menghilang.

Aku mendengar nyanyian di langit.
Apabila hari telah senja,
hidup tiada lagi, tiada siapa yang bertanya.
Aku adalah seperti gembira kerana sering bernyanyi hingga malam.

Aku mendengar nyanyian di langit.
Pada kutukan manusia, matahari telah lama terbenam.
Dan langit menjadi gelap.
Hujan telah turun lebat.
Lebih lama, lebih mekar bunga-bunga jadi liar.

2018

TAMAN GULA-GULA

Aku cuba melihat matahari, aku tersesat cahaya,
aku cuba melihat bunga aku hilang warna:
Senyumku dan air mata sama-sama jadi gelap.
Aku cuba memberi jiwa.
Seperti aku datang mencari sebuah taman,
matahari di atas kepala; Dan aku cuba menangis.
Tuhanku!
Tuhanku!
Air mata jadi kering.
Bukan aku!
Bukan aku!
Matahari cahayanya membakar.
Terjadi!
Terjadi!
Dan bolehkah aku mulai menyayangi bunga dan sebuah taman.

2018

MATI YANG TIDUR

Dan kesengsaraan ini,
adalah rahmat, kasihan, dan kebebasan.
adalah air mata dari jiwa yang kosong.
Mengandung di dalam hati, dan mata jadi kabur.
Dalam melihat musim luruh, angin telah mati.
Dan aku berfikir untuk hari-hari yang sudah tua.

Yang membawa aku berjalan jauh,
sebagai manusia akhir mulai terbangun.
Burung mati setelah dikejutkan,

untuk aku sendiri, sudah tentu kepada hati mati,
cahaya matahari perlahan mulai bersinar;
Sebagai ciuman terhangat selepas kematian;
Dan manis seperti gula-gula mulai cair.
Pada bibir yang merah; semerah api yang menyala,
Sedalam hati yang sengsara, dan liar dengan penyesalan;
Hidup. Dan hari-hari yang tiada lagi!

2018

HIDUP YANG MATI

Aku datang kepada kau, mati ke jalan hidup.
Hikakat hidup, aku hidup.
Hanya menunggu nikmat fajar,
Hakikat mati, aku mati.
Hanya malam yang miskin dan merana.

Aku akan membina hidup dengan satu tangan dan satu jiwa yang sama,
Satu kehendak untuk merdeka dan abadi.
Dan kesetianku pada mati akan bebas.

2018

Biodata Penulis:

H.MAR

Nama sebenarnya Haji Mohd Ali bin Haji Radin. Kelahiran Negara Brunei Darussalam pada 5 Ogos 1968. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu dari Universiti Brunei Darussalam. Sebelumnya memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan dalam Pendidikan Bahasa dan juga Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sastera (Kepujian) dari universiti yang sama. Sekarang berkhidmat sebagai Pegawai Bahasa Kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam. Beliau menulis dalam pelbagai genre. Antara buku-bukunya adalah kumpulan cerpen *Exotis* (2018), buku ilmiah *Muslim Burmat dan Historisisme Baru* (2018), kumpulan puisi *Gelora* (2011), kumpulan drama *Taman 'O'* (2003) dan novelnya, *Kota Kaca* (2003).